

NO. SOALAN : 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**

**SOALAN : 15**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan bersepadu yang dapat dilakukan untuk membangunkan tanah-tanah milik Perbadanan Aset Keretapi di koridor Laluan Tanjung Malim hingga ke Tampin bagi memanfaatkan jaringan pengangkutan rel.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan pentadbir tanah – tanah keretapi di seluruh Malaysia. Perkara ini selaras dengan Akta Keretapi 1991 yang menetapkan bahawa segala harta tanah yang dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan telah termansuh dan diletak hak di bawah RAC.

Bagi memastikan kesemua tanah RAC ini digunakan secara optimum dan dapat memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi negara, RAC telah merancang untuk membangunkan tanah – tanah di bawah seliaannya di dalam pelbagai bentuk serta kaedah. Antaranya termasuklah pembangunan berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD); pajakan jangka panjang dan lain – lain.

Bagi maksud tersebut, RAC akan memanggil tender secara *Request For Proposal* (RFP) terbuka bagi memberi peluang kepada semua pemaju mencadangkan pembangunan di atas tanah – tanah RAC seluruh negara. Proses RFP merupakan proses yang lebih telus dan dapat memberi peluang kepada petender untuk mengambil bahagian. Hasil daripada pembangunan tersebut akan disalurkan semula kepada pembangunan industri kereta api negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Koridor laluan Tanjung Malim hingga ke Tampin juga merupakan sebahagian daripada perancangan pembangunan tersebut.